

DOSM muat naik indikator terkini SDG di platform SDG Dashboard

DOSM muat naik indikator terkini SDG di platform SDG Dashboard

SHAH ALAM - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memuat naik indikator terkini Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di platform SDG Dashboard pada Isnin.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, indikator tersedia mengandungi 146 indikator peringkat nasional dan 19 indikator peringkat daerah dari tahun 2016 hingga 2020 berdasarkan Laporan Indikator SDG Malaysia 2020.

Beliau berkata, kali ini, SDG Dashboard memaparkan 18 indikator baharu daripada 128 indikator pada tahun sebelumnya.

Antara indikator baharu peringkat nasional adalah peratusan penduduk luar bandar yang tinggal dalam jarak dua kilometer



MOHD UZIR

dari jalan boleh digunakan sepanjang tahun dan indikator kadar kitar semula kebangsaan, katanya.

Beliau berkata, indikator yang tersedia hingga peringkat daerah adalah insiden kemiskinan mutlak; kadar mortaliti; liputan vaksin; individu memiliki telefon bimbit dan akses internet; akses kepada bekalan air, sanitasi dan elektrik; kadar pengangguran; pengurusan sisa; statistik CCTV dan bilangan jenayah kekerasan.

SDG adalah komitmen global ke arah pembangunan lebih mampan, berdaya tahan dan inklusif dengan 17 Matlamat dan 169 Sasaran.

SDG Dashboard boleh diakses melalui pautan <http://mysdg.dosm.gov.my/>.

JABATAN PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

SDG DASHBOARD

146 Indikator SDG Malaysia
Daripada 247 Indikator SDG Global

18 Indikator Baharu

Pautan URL:
<http://mysdg.dosm.gov.my/>

Imbas QR code

Ringkasan paparan visual interaktif Matlamat Pembangunan Mampan yang disiarkan DOSM.